

14/03/1999

Cavalcade LTDL meriah

Halmi Samad

PERARAKAN itu bukan perarakan biasa. Siren polis menjerit kuat tanda `Kancil' dan `Rusa' sudah tiba.

Selepas `Kancil' dan `Rusa' berlalu, sorakan lebih 30,000 penonton menggegarkan kancan Le Tour de Langkawi (LTDL) 1999, khususnya apabila Lotus Eclipse dan Satria Gti 16V membunyikan hon.

Jeritan hangat bergema apabila kereta Proton Perdana V6 bernombor Apec 11 edisi khas digunakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Persidangan Apec, Disember lalu, melepasi penonton.

Berdasarkan sambutan peminat, Pengurus Jualan dan Pemasaran Perodua Sales Sdn Bhd, Zainuddin Bahauddin, berkata konsep cavalcade yang diperkenalkan First Cartel (M) Sdn Bhd, penganjur LTDL 1999, menepati sasaran ditetapkan.

Dengan erti kata ringkas, konsep cavalcade yang dicetuskan penjelmaannya dalam Tour de France, menjadi satu elemen paling menarik sepanjang perlumbaan jelajah terbesar di Asia itu.

(Cavalcade ialah perarakan kereta berhias yang membawa logo syarikat penaja. Sepanjang perjalanan daripada garisan permula ke penamat, lagu rasmi syarikat penaja akan dimainkan. Ia berhenti di tempat ditetapkan untuk memberi hadiah percuma kepada penonton yang menyaksikan perlumbaan LTDL).

Malah, Perodua Sales Sdn Bhd, anak syarikat Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd yang memutuskan menyertai perarakan itu saat terakhir, terperanjat dengan kejayaan cavalcade.

"Daripada apa yang saya saksikan perarakan cavalcade mencapai kejayaan besar. Walaupun ia satu perkara baru, namun sambutan orang ramai begitu mengagumkan. Di setiap bandar yang kami lalui, ada berpuluh ribu orang menunggu Kancil dan Rusa.

"Rumusan saya hanya satu, iaitu perarakan cavalcade berjaya menaikkan imej Le Tour de Langkawi 1999. Perarakan cavalcade adalah kejayaan yang begitu besar dalam kalendar jelajah tahun ini," katanya dalam satu pertemuan baru-baru ini.

Kerana itu, Perodua Sales Sdn Bhd berjanji akan menambah lagi bilangan Kancil, Rusa dan Kembara dalam perarakan cavalcade musim depan. Tahun ini, 20 Rusa, Kancil (11) dan Kembara (8), menyertai perarakan cavalcade LTDL 1999.

Zainuddin turut membayangkan kemungkinan bilangan keseluruhan produk kereta keluaran Perodua akan melebihi angka 100 unit.

"Saya berpendapat bilangan Kembara harus ditambah. Kembara adalah produk pacuan empat roda pertama nasional. Justeru, ia perlu ditampik dan diperagakan kepada rakyat Malaysia," katanya.

Ketua Perhubungan Awam Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton), Tunku Maziah Mukhtar, berkata pihaknya berpuas hati dengan sumbangan syarikat itu dalam perarakan cavalcade.

"Apec 11 adalah kereta yang digunakan oleh Dr Mahathir dalam sidang Apec Disember lalu. Ia adalah kereta kalis peluru pertama di Malaysia (bagi edisi Perdana V6).

"Lantaran itu, memang wajarlah peristiwa seperti dipaparkan kepada seluruh rakyat Malaysia. Rakyat harus diberitahu perkembangan seperti ini. Kejayaan ini harus dikongsi bersama.

"Lebih daripada itu, kejayaan mencipta Apec 11 boleh menjadi pemangkin dalam menjana pemikiran rakyat supaya berjinak-jinak dengan sektor

inovatif permotoran," katanya.

Pengerusi Eksekutif First Cartel (M) Sdn Bhd, Wan Lokman Datuk Paduka Wan Ibrahim turut mengakui terperanjat dengan sambutan warga Malaysia terhadap perarakan cavalcade.

(END)